



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 30 NOVEMBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 30 November 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **5,168 kes** (2,537,204 kes kumulatif, 96.4%);
- Kes baharu : **4,879 kes** (2,632,782 kes kumulatif);
- Kes import : **24 kes** (16 warganegara; 8 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **4,855 kes** [4,678 warganegara (96.4%); 177 bukan warganegara (3.6%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **509 kes** (394 kes disahkan COVID-19 ; 115 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **252 kes** (172 kes disahkan COVID-19 ; 80 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);

- Jumlah kluster : **5,947 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **9 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **5,716 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **231 kluster**.

Daripada **4,879 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **79 kes (1.6 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **4,800 kes (98.4 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

## **ANALISA SITUASI SEMASA JANGKITAN COVID-19 DI MALAYSIA (MINGGU EPIDEMIOLOGI KE-47)**

Sehingga 27 November 2021 [Minggu Epidemiologi (ME) ke-47], sebanyak **2,619,577 kes kumulatif** COVID-19 telah dilaporkan dengan **65,978 kes aktif** dan **30,280 kes kumulatif kematian**. Penurunan nilai Rt/Ro Malaysia mulai minggu lepas telah mendatangkan kesan positif kepada kebanyakan indikator utama jangkitan COVID-19 yang kini menunjukkan **tren penurunan** berbanding ME ke-46. Namun begitu, **tren peningkatan kewujudan kluster baharu** pada ME ke-47 dalam semua kategori kecuali tempat kerja dan import adalah amat membimbangkan.

### ***1. Indikator-Indikator Jangkitan COVID-19***


Pada ME ke-47 iaitu daripada **20 November 2021 sehingga 27 November 2021**;

- **Penurunan kes baharu secara kumulatif bagi minggu epidemiologi sebanyak 6.8 peratus** iaitu daripada 40,600 kes (ME ke-46) kepada 37,830 kes (ME ke-47);
- Kes kematian konsisten menunjukkan penurunan sebanyak 12.4 peratus dengan 304 kematian berbanding 347 kematian pada ME ke-46;

- Purata kes yang memerlukan rawatan di **ICU** menunjukkan **penurunan sebanyak 5 peratus** iaitu 452 kes (ME ke-46) kepada 431 kes (ME ke-47);
- Purata kes yang memerlukan **alat bantuan pernafasan** turut menunjukkan **penurunan** (6 peratus) dari 179 kes (ME ke-46) ke 169 kes (ME ke-47);
- Purata kes yang memerlukan rawatan di ICU dan kes yang memerlukan alat bantuan pernafasan mulai menunjukkan tren penurunan mulai ME ke-45; dan
- **Nilai Rt kian menurun** kepada 0.96 (95% CI 0.95 – 0.97) dan penurunan ini dicatat semenjak 15 November 2021.

Indikator	ME ke - 46 (14/11 - 20/11)	ME ke - 47 (21/11 - 27/11)	Perbandingan ME 46/47 (%)
Kes Baharu	40,600	37,830	↓ - 6.8
Kes Kematian	347	304	↓ - 12.4
Penggunaan Katil ICU (Purata)	452	431	↓ - 4.6
Penggunaan Alat Bantuan Pernafasan (Purata)	179	169	↓ - 5.6

*Jadual 1 Perbandingan Indikator Jangkitan COVID-19 bagi ME ke-46 dan ME ke-47*



Rajah 1 Kes COVID-19 dan nilai Rt/Ro dari 13 November 2021 hingga 27 November 2021

Tren penurunan nilai Rt/Ro ini dijangka akan terus memberi impak positif dalam memastikan Malaysia bergerak ke arah fasa hidup dengan virus dan seterusnya fasa endemik sekiranya rakyat Malaysia memberi sepenuh kerjasama dalam mematuhi SOP yang sedia ada dan hadir pada temu janji suntikan dos penggalak jika telah layak.

## 2. Kluster

Sehingga 27 November 2021, terdapat kumulatif 5,928 kluster telah dilaporkan dan hanya 234 kluster masih lagi aktif (penurunan sebanyak 2.5 peratus berbanding ME ke-46). Selain itu, sebanyak 56 kluster telah diisytiharkan tamat pada ME ke-

47, lalu menjadikan penurunan sebanyak 26.3 peratus berbanding ME ke-46. Sebanyak 50 kluster telah dilaporkan pada ME ke-47 yang terdiri daripada (Jadual 2);

- **22 (44.0 peratus)** kluster tempat kerja;
- **Enam (6) (12.0 peratus)** kluster komuniti;
- **Enam (6) (12.0 peratus)** kluster kumpulan berisiko tinggi;
- **Enam (6) (12.0 peratus)** kluster pusat pendidikan;
- **Dua (2) (4.0 peratus)** kluster aktiviti keagamaan; dan
- **Satu (1) (2.0 peratus)** kluster pusat tahanan.

	ME ke - 46 (14/11 – 20/11)	ME ke - 47 (21/11 – 27/11)	Perbandingan ME ke 45/46)(%)
Kluster Aktif	240	234	↓ 2.5
Kluster Tamat	76	56	↓ 26.3
Kluster Baharu	38	50	↑ 31.6
<b>Kategori Kluster Baharu</b>			
1. Tempat Kerja	22	22	↔ 0.0
2. Institusi Pendidikan	9	13	↑ 44.4
3. Komuniti	5	6	↑ 20.0
4. Kumpulan Berisiko Tinggi	2	6	↑ 200.0
5. Aktiviti Keagamaan	0	2	↑ 200.0
6. Pusat Tahanan	0	1	↑ 100.0
7. Import	0	0	↔ 0.0

Jadual 2 Kluster COVID-19 di Malaysia pada 27 November 2021

**Peningkatan semua jenis kategori kluster** kecuali import dan tempat kerja ini adalah amat membimbangkan kerana ini menunjukkan peningkatan aktiviti sosial di semua peringkat tetapi pematuhan SOP sudah mulai dipandang ringan. Hal ini terbukti apabila data menunjukkan terdapat **peningkatan** tawaran kompaun bagi **kesalahan gagal memakai pelitup muka** sebanyak 8.9 peratus. Walaupun kesalahan gagal menjaga penjarakan fizikal mulai berkurang (penurunan 73.7 peratus), namun pemakaian pelitup muka dengan betul haruslah diberi penekanan. Ini adalah amat penting bagi memastikan perebakan melalui udara dapat dikurangkan.

Bagi mengelakkan penularan jangkitan dalam kalangan orang yang disayangi, disiplin yang tinggi daripada setiap individu adalah sangat diperlukan terutamanya bagi isi rumah yang mempunyai golongan berisiko tinggi seperti warga tua dan individu yang mempunyai penyakit kronik. **Sentiasa patuh kepada SOP** dan **perkuatkan tindakan kesihatan sendiri** dengan mengamalkan TRIIS (*Test, Report, Isolate, Inform and Seek*) bagi mendidik diri kita menjadi individu yang bertanggungjawab dan melindungi orang-orang di sekeliling kita daripada risiko jangkitan.

### 3. Kapasiti Hospital

Kadar penggunaan fasiliti kesihatan (Katil Bukan ICU dan Katil PKRC) didapati menurun pada ME ke-47. Penggunaan katil bukan ICU di hospital telah mencatat penurunan sebanyak satu (1) peratus manakala penggunaan katil di PKRC menurun sebanyak tiga (3) peratus berbanding ME ke-46 (Jadual 3). Peningkatan ini adalah selari dengan kenaikan purata kes aktif bagi ME ke-47.


Fasiliti Kesihatan	Kapasiti	Jumlah Penggunaan	Kadar Penggunaan (%)	Perbandingan ME 45/46 (%)
Katil Bukan ICU (Hospital)	14,078	5,522	39%	↓ 1%
Katil PKRC	21,895	7,479	34%	↓ 3%
Katil ICU	1,132	524	46%	↔ -
Alat Bantuan Pernafasan	2,870	1,107	39%	↔ -

Jadual 3 : Jumlah Penggunaan Fasiliti Kesihatan bagi ME ke - 46 dan ME ke - 47

Dari segi jumlah kemasukan pesakit COVID-19 Kategori 3-5 ke hospital awam, negeri Sarawak telah mencatatkan penurunan yang konsisten dan paling ketara sejak pelancaran program pemberian dos penggalak pada 13 Oktober 2021 berbanding negeri-negeri lain. Berdasarkan data yang dikeluarkan JKJAV setakat 28 November 2021, Sarawak juga adalah negeri yang mempunyai jumlah kumulatif dos penggalak paling tinggi di



Malaysia dengan 630,251 dos diikuti oleh Selangor (411,126 dos) dan Kuala Lumpur (236,024 dos).



Pencapaian ini membuktikan keberkesanan dos penggalak yang dapat melindungi individu dari jangkitan yang lebih teruk dan seterusnya menyumbang kepada penurunan kes-kes COVID-19 kategori 3-5. Walaupun 77.7 peratus rakyat Malaysia telah lengkap divaksinasi, namun kajian terbaru mendapati tahap imuniti akan menurun selepas beberapa bulan divaksinasi. Oleh yang demikian, KKM menggesa agar individu yang layak dan telah mendapat tarikh janji temu dos penggalak vaksin COVID-19 untuk hadir bagi menerima suntikan tersebut. Teruskanindungi diri anda untuk melindungi kita semua.




#### **4. Aktiviti Penguatkuasaan di bawah Akta 342 (Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**

Aktiviti penguatkuasaan merupakan salah satu aktiviti yang dilaksanakan oleh KKM dalam mengawal penyakit COVID-19 dari terus menular dalam masyarakat setempat. Pada ME ke-47, jumlah pengeluaran kompaun kepada pertubuhan/ perbadanan dan penutupan premis menunjukkan **peningkatan** berbanding minggu sebelumnya, manakala kompaun terhadap individu menunjukkan pengurangan sebanyak 43.6% berbanding minggu sebelumnya. Kegagalan memakai topeng muka telah mencatatkan peningkatan walaupun kesalahan lain telah menunjukkan penurunan. Fenomena “keletihan pandemik” yang terjadi dari segi **kegagalan memakai topeng muka** dilihat kian kerap berlaku namun kesedaran orang ramai terhadap pematuhan SOP yang lain seperti penjarakan fizikal dapat membantu mengurangkan risiko pencegahan COVID-19 dalam komuniti.







Berikut merupakan aktiviti penguatkuasaan yang telah dijalankan **dalam ME ke 47** (21 November 2021 sehingga 27 November 2021) seperti yang digambarkan dalam Jadual 4,5 dan 6;

- 194 kompaun (pengurangan 43.6 peratus) telah dikeluarkan terhadap individu berbanding 344 kompaun minggu sebelumnya;

- 34 kompaun (peningkatan 17.2 peratus) dikeluarkan kepada pertubuhan perbadanan; dan
- 68 (peningkatan 3.0 peratus) penutupan premis telah diarahkan berbanding 66 penutupan minggu sebelumnya.

Tawaran Kompaun	ME-46	ME-47	Perbandingan ME ke-46/47 (%)
Individu	344	194	 43.6
Pertubuhan Perbadanan	29	34	 17.2
Penutupan Premis	66	68	 3.0

Jadual 4 Jumlah tawaran kompaun bagi individu dan pertubuhan perbadanan yang telah dikeluarkan serta jumlah penutupan premis mengikut negeri dalam ME ke-46 dan ME ke-47.

Jenis Kesalahan	ME-46	ME-47	Perbandingan ME ke - 46/47 (%)
Gagal memakai pelitup muka	56	61	 8.9
Gagal mengamalkan penjarakan fizikal	19	5	 73.7
Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran diri	2	0	 -100.0
Pemilik premis tidak menyediakan peralatan suhu atau peralatan saringan suhu tidak berfungsi	1	0	 -100.0
Individu gagal menggunakan aplikasi mysejahtera atau mencatatkan nama dan no telefon sebelum memasuki premis	233	87	 63.9
Lain-lain kesalahan di bawah Akta 342 dan Peraturan- Peraturan di Bawahnya	62	75	 20.9

Jadual 5 jenis kesalahan yang ditawarkan kompaun bagi ME ke-46 dan ME ke-47

Penutupan Premis	ME-46	ME-47	Perbandingan ME ke-46/47 (%)
Kilang	7	8	↑ 14.3
Tapak Pembinaan	0	0	↔ -
Asrama penempatan pekerja	0	0	↔ -
Premis perniagaan	59	60	↑ 1.7

Jadual 6 Menunjukkan jenis premis yang ditutup oleh KKM di bawah Akta 342 bagi ME ke 46 dan ME-47

## NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM juga ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat);
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**); dan
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes

kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

30 November 2021 @ 7:00 petang.

**LAMPIRAN 1****NILAI  $R_T$  MENGIKUT NEGERI  
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN  
PADA 29 NOVEMBER 2021**

<b>NEGERI</b>	<b>NILAI <math>R_T</math></b>
<b>WP LABUAN</b>	1.12
<b>PERLIS</b>	1.03
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	1.00
<b>MELAKA</b>	1.00
<b>PAHANG</b>	1.00
<b>KEDAH</b>	1.00
<b>PERAK</b>	1.00
<b>PULAU PINANG</b>	1.00
<b>WP PUTRAJAYA</b>	0.99
<b>SELANGOR</b>	0.99
<b>JOHOR</b>	0.98
<b>SABAH</b>	0.96
<b>KELANTAN</b>	0.96
<b>TERENGGANU</b>	0.95
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	0.92
<b>SARAWAK</b>	0.78
<b>MALAYSIA</b>	<b>0.95</b>